

# Satelit majukan teknologi komunikasi

BH - 13/12/2006

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, pelancaran satelit Measat-3 membuka peluang untuk Malaysia berkongsi pengalaman dan teknologi dengan lain yang turut terbahit dalam pembangunan teknologi serupa.

Perdana Menteri berkata, kejayaan pelancaran satelit ketiga negara itu juga membuktikan komitmen Malaysia untuk memajukan aplikasi teknologi komunikasi satelit yang boleh memberi pelbagai manfaat.

"Ia detik yang sangat membanggakan kita kerana membuktikan kita serius dalam membangunkan teknologi itu.

"Ia termasuk bagi kegunaan dalam bidang pendidikan, komunikasi, penyiaran dan hiburan," katanya dalam perutusan yang disiarkan ketika

majlis pelancaran Measat-3, semalam. Satelit itu dilancarkan di Baikonur Cosmodrome, Kazakhstan.

Abdullah berkata, adalah penting keutamaan diberi kepada aspek pembangunan teknologi satelit kerana ia pasti dapat memberi banyak kebaikan kepada Malaysia dan rakyatnya.

"Apa juga teknologi yang kita utamakan, ia bermatlamat memberi faedah kepada negara dan rakyat khususnya bagi membantu kita mencapai status sebagai negara maju menjelang 2020," katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap penyelidik dan juruteknik tempatan akan sentiasa meningkatkan kemahiran serta pengetahuan untuk mencapai lebih banyak kejayaan dan mendapat peluang berkongsi kepakaran dengan negara yang mempunyai kemudahan sama.